

16/09/1997

Pulau Pinang tidak pernah malap

M Thillinadan

WARTAWAN Asiaweek, Roger Mitton menulis melalui satu laporan bertajuk 'A state of decline - Penang once led Malaysia, but it has fallen behind. Where did it go wrong'. Artikel dua muka itu disiarkan dalam Asiaweek keluaran 5 September lalu.

Laporan itu menggemparkan pentadbiran kerajaan negeri, khususnya Tan Sri Dr Koh Tsu Koon yang mendakwa menjadi mangsa maklumat palsu. Beliau kemudian mengeluarkan dua kenyataan akhbar yang 'pedas' mempertikaikan kesahihan laporan itu.

Beliau menyifatkan kenyataan Mitton kononnya Pulau Pinang bukan lagi pemimpin dalam pembangunan industri, pelancongan dan pendidikan, adalah salah dan mengelirukan pembaca.

Mitton dalam artikelnya mendakwa Pulau Pinang tidak mempunyai kelebihan lagi dan sektor industri serta pelancongan mula merosot berikutan penutupan banyak kilang dan pencemaran pantainya.

Menurut Mitton, rakyat Pulau Pinang marah dengan pentadbiran kerajaan negeri kerana membenarkan Pulau Mutiara terus ketinggalan, manakala jirannya seperti Kedah terus maju.

Majalah itu juga mendakwa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai pandangan kenegerian yang sempit dan mengutamakan negeri asal masing-masing dalam konteks pembangunan. Mitton menggunakan Lapangan Terbang Antarabangsa Wilayah Utara (NRIA) sebagai contoh dengan mendakwa Dr Mahathir meluluskannya dibina di Kedah kerana kawan rapatnya, Datuk Seri Sanusi Junid.

Tetapi anehnya, sumber Mitton bukan saja pemimpin pembangkang tetapi Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang juga bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Dr Ibrahim Saad.

Ibrahim dipetik mempersoal 'Jika lapangan terbang tidak lagi di Pulau Pinang dan semua industri juga tiada lagi, mengapa perlu bina jambatan baru menghubungkan Seberang Prai dan Pulau Pinang'.

Ibrahim juga dipetik sebagai berkata: "Universiti Sains Malaysia (USM) tidak agresif dan tidak mengadakan kerjasama dengan universiti lain dan sedang merosot pencapaiannya."

Di Pulau Pinang, pelbagai persoalan timbul apakah motif Mitton menulis artikel negatif itu (kebanyakan faktanya dibuktikan palsu oleh kerajaan negeri) dan tidak kurang juga yang mempersoalkan mengapa Ibrahim turut 'dibabitkan'. Sebagai sebuah majalah antarabangsa, artikel itu sudah tentu memberi kesan besar kepada ekonomi Pulau Pinang yang secara langsung menjejaskan iklim pelaburan di negeri itu.

Lebih daripada itu, artikel itu jelas sekali mempersoalkan keupayaan pentadbiran kerajaan negeri yang dipimpin Dr Koh.

Dr Koh mempertahankan dirinya dengan menafikan fakta Mitton yang disifatkannya bertujuan menghancurkan kemajuan dan kerja keras kerajaan negeri selama 25 tahun untuk menjadikan Pulau Pinang antara negeri paling maju.

Menurut Koh, pertumbuhan ekonomi Pulau Pinang sejak beliau menjadi Ketua Menteri pada 1990 ialah 12 peratus setahun, iaitu lebih tinggi daripada kebangsaan.

Katanya lagi, MIDA meluluskan pelaburan baru bernilai RM3.2 bilion tahun lalu berbanding RM1.6 bilion pada 1995, semua kilang yang menutup operasinya sudah diganti oleh syarikat lebih besar - Grundig oleh MEC dan Quantum oleh Iomega.

Mengenai kilang Taiwan yang tutup operasi, Dr Koh berkata adalah menjadi dasar kerajaan tidak menggalakkan industri berorientasikan buruh, oleh itu penutupan kilang sedemikian tidak memberi kesan.

Mengenai pelancongan, beliau berkata jumlah pelancong terus meningkat daripada 3.34 juta pada 1995 kepada 3.34 tahun lalu. Bagaimanapun, beliau mengakui kedatangan pelancongan kurang tahun ini kerana penyakit Cocksackie.

Dr Koh menafikan projek jambatan baru menghubungkan Seberang Prai dan pulau itu sudah dibatalkan, malah kerajaan negeri mempunyai tiga pilihan iaitu pembinaan terowong dasar laut di Utara, sebuah jambatan atau terowong di bahagian tengah dan sebuah jambatan di bahagian Selatan.

Ramai pembaca artikel itu seakan-akan keliru mengapa pula Mitton mempersoalkan USM sebagai pusat kecemerlangan. Katanya, Mei lalu, sistem komputer universiti itu `kaput' sehingga menyebabkan data kemasukan pelajar, keputusan peperiksaan dan rekod perpustakaan tidak diproses.

Menurutnya, kejadian yang sama berlaku Disember tahun lalu memusnahkan rekod pelajar dan data.

Perkara remeh seperti kerosakan pasar Tanjung Bungah (kawasan Dr Koh) turut diselitkan. Ini seolah-oleh membuktikan penulisnya bersikap terlalu peribadi dan mangsanya jelaslah Ketua Menteri.

(END)